

PM ajak rakyat banding parti kerajaan dengan pembangkang dalam buat kebajikan

GONG BADAQ, Kuala Terengganu 3 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak seluruh rakyat membuat perbandingan antara parti yang mendokong kerajaan sekarang dengan parti lawan berlandas kepada apa yang telah dibuat untuk kepentingan dan kebajikan rakyat.

Perdana Menteri menegaskan parti kerajaan sentiasa menyeru kepada perpaduan dan melaksanakan

berbagai rancangan untuk memenuhi kehendak agama di zaman moden ini tetapi parti lawan menyeru kepada perpecahan.

"Sesiapa yang tidak menyokong atau menyertai parti mereka akan dituduh kafir dan diboikot," jelasnya di hadapan lebih 20,000 rakyat yang berhimpun di majlis perasmian perletakan batu asas projek perumahan kos rendah dan sederhana Alur Tembusu di sini hari

ini.

Perdana Menteri bersama isteri Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hamsah tiba di sini petang ini dalam rangka lawatan rasmi selama dua hari. Malam ini beliau menghadiri majlis jamuan makan malam bersama para pemimpin masyarakat dan menghadiri mesyuarat jawatankuasa perhubungan UM-NO Negeri Terengganu.

Esok, Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan dengan ahli jawatankuasa Barisan Nasional negeri dan selepas itu merasmikan pelabuhan perikanan Cendering.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga akan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Raja, Bukit Besar dan kemudiannya mengadap Sultan dan makan tengah hari di Istana Badariah.

Dalam ucapan hampir satu jam itu, Perdana Menteri yakin seluruh rakyat Terengganu akan menolak kejahatan dan me-

milih kebaikan "dan kerajaan akan tunaikan segala janji kepada rakyat."

Beliau mengajak golongan tertentu supaya kembali ke jalan yang benar dan tidak membenarkan diri mereka dipesong kerana kepentingan politik.

Dulu, tegasnya rakyat tidak berpecah dan sentiasa hidup berbaik - baik tetapi apabila politik berparti dibenarkan, telah datang orang yang sanggup memeralatkan Islam dan Quran untuk kepentingan politik mereka.

Mereka tidak takutkan Quran dan memesongkan akidah orang lain. Mereka juga mempunyai pasukan khas iaitu pasukan fitnah.

"Mereka seru kepada perpecahan dan tidak mempunyai rancangan untuk kebaikan rakyat dan kalau buka sekolahpun, hanya untuk kepentingan politik.

"Parti kerajaan sentiasa menyeru kepada kebaikan dan orang Islam sepatutnya menentang kejahatan tetapi parti lawan menyeru ke arah itu."

Serentak dengan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa rakyat harus memberi penilaian yang tinggi kepada keharmonian kerana ianya amat penting bagi membangunkan negara.

Katanya, Malaysia seba-

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Rakyat diajak buat perbandingan

gai sebuah negara demokrasi yang mengamalkan demokrasi berparti - parti politik harus mempunyai tatasusila yang baik dan tertakluk kepada undang - undang negara.

Mereka juga harus mematuhi lunas - lunas undang - undang dalam memikirkan cara menarik sokongan. Bagaimanapun, masih ada parti yang tidak menggunakan cara yang baik.

Mereka menggunakan agama dan mentafirkan Quran dengan cara yang bercanggah dengan agama Islam dan ini amat bertentangan dengan hasrat parti kerajaan yang sentiasa mahu mengabdikan diri kepada rakyat.

Bertentangan pula dengan parti kerajaan, parti lawan tidak ada rancangan yang boleh mem-

bawa kebaikan pada rakyat sebaliknya sentiasa membuat fitnah sehingga boleh mengancam akidah orang Islam.

Mengenai pembangunan, Perdana Menteri berkata hampir setiap hari kerajaan Barisan Nasional mengadakan pembangunan dan tidak pernah merasa letih dan lemas dengan usaha membangunkan negara.

"Hari ini kita rasmi rancangan rumah murah untuk memenuhi keperluan

rakyat yang berpendapatan rendah dan ini juga sebagai bukti kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada rakyat miskin.

Rancangan rumah murah ini akan memberi penyelesaian hidup kepada rakyat supaya mereka tidak lagi hidup terpercil sebaliknya hidup sempurna dengan kemudahan air dan elektrik walaupun pendapatan mereka rendah.